



GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2023

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memaklum dan memberikan maklumat kepada Jabatan / Agensi di Negeri Selangor mengenai pelaksanaan Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Tahun 2023. Garis panduan ini juga boleh digunakan oleh Jabatan / Agensi dalam menganjurkan Konvensyen KIK di peringkat Jabatan / Agensi masing-masing.

2. PENDAHULUAN

- 2.1 Sejak tahun 1991, kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Panduan Mengenai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) bagi menggalakkan penjawat awam bekerja secara berpasukan bagi penyelesaian masalah di tempat kerja. Kerajaan kemudiannya telah memperkenalkan Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif pada tahun 2009 sebagai satu langkah memantapkan penjawat awam untuk menyelesaikan masalah melalui penghasilan / penambahbaikan produk / perkhidmatan yang memberi manfaat kepada organisasi.
- 2.2 Pada tahun 2016, Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2016 (Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif) dikeluarkan menggantikan Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif

(KIK) bagi memantapkan pengurusan KIK dalam organisasi dan memperkasakan budaya kerja secara inovatif dan kreatif di kalangan penjawat awam.

2.3 Selari dengan penekanan terhadap pembudayaan inovasi sektor awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor selaku penyelaras inovasi negeri berhasrat untuk menganjurkan Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2023 di mana konvensyen ini dilaksanakan setiap tahun sebagai salah satu langkah bagi mendorong warga kerja di Negeri Selangor bagi memperkenalkan cara kerja baru yang lebih cekap dan berkesan serta menghasilkan *output* dan *outcome* yang mempunyai impak tinggi. Konvensyen ini akan turut memberi ruang dan peluang kepada kumpulan-kumpulan KIK peringkat Jabatan/ Agensi untuk mempersembahkan hasil cetusan idea kreatif dan inovatif masing-masing demi mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam khususnya di negeri Selangor ke tahap yang membanggakan.

2.4 Pada tahun ini, Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor akan sekali lagi diadakan berdasarkan pelaksanaan PTPA Bilangan 1 Tahun 2016 yang memberi penekanan terhadap tiga fasa pelaksanaan inovasi iaitu:

- Fasa 1 : Penghasilan Projek
- Fasa 2 : Pengiktirafan
- Fasa 3 : Pengembangan Projek

2.5 Bahagian Korporat berperanan selaku Penyelaras KIK Negeri Selangor akan menganjurkan Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Tahun 2023 yang dijangka pelaksanaannya pada Mei 2023 yang akan datang.

3. OBJEKTIF KIK

3.1 Objektif utama KIK adalah untuk menambahbaik dan meningkatkan kualiti serta produktiviti kerja khususnya dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan melalui:

- a) Penciptaan cara bekerja yang baharu atau menghasilkan inovasi;
- b) Penyelesaian masalah atau membuat penambahbaikan kerja;
- c) Semangat bekerja secara berpasukan;
- d) Penyemaian dan penerapan nilai serta etika kerja positif;
- e) Penglibatan dan peningkatan komitmen terhadap kerja;
- f) Dorongan kerja yang tinggi;
- g) Kesedaran mengenai tanggungjawab terhadap diri sendiri, kumpulan, organisasi dan negara;
- h) Penggalakan penghasilan idea-idea yang inovatif dan kreatif; dan
- i) Hubungan yang harmoni di antara pihak pengurusan dan pekerja.

4. PENYERTAAN

4.1 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 4.1.1 Penyertaan / pencalonan adalah terbuka kepada kumpulan-kumpulan KIK dari semua **Jabatan / Agensi Kerajaan, Jabatan Persekutuan (yang mempunyai 2 kerakyatan), Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah / Tanah dan Badan Berkanun di Negeri Selangor**. Penyertaan oleh GLC adalah tidak dibenarkan.
- 4.1.2 Kumpulan yang mengambil bahagian adalah merupakan kumpulan yang telah mempersembahkan projek mereka kepada pihak pengurusan sebelum pelaksanaan projek di Jabatan / Agensi masing-masing pada tahun 2021 / 2022 dan perlu mendapat **pengesahan dan perakuan daripada Ketua Jabatan / Agensi masing-masing**.
- 4.1.3 Projek KIK hendaklah merupakan **karya asli** kumpulan dan **tidak diadaptasi** daripada mana – mana produk atau sistem sedia ada.
- 4.1.4 Projek kumpulan mestilah telah selesai dilaksana dan diseragamkan selewat-lewatnya pada **30 November 2022**. Pencapaian projek mestilah diukur **melebihi 3 bulan dan tidak melebihi 1 tahun dari tarikh projek diseragamkan**.
- 4.1.5 Bilangan minimum ahli bagi setiap Kumpulan KIK Primer yang mengambil bahagian adalah seramai **2 orang** dan bilangan maksimum ialah seramai **10 orang** sahaja termasuk Ketua Kumpulan. Fasilitator tidak diambil kira sebagai ahli kumpulan.

4.1.6 Bagi Kumpulan KIK Hibrid, bilangan ahli tertakluk kepada skala, kos, kategori projek dan dipersetujui oleh pihak yang melaksanakan projek KIK Hibrid.

4.1.7 Kumpulan KIK yang ingin menyertai konvensyen hendaklah mempunyai **alamat / cawangan** di negeri Selangor sahaja.

4.1.8 Setiap Jabatan / Agensi dibenarkan mencalonkan **maksimum empat (4) Kumpulan KIK** (salah satu daripada 4 penyertaan berkenaan hendaklah daripada kumpulan hibrid) yang dipilih melalui apa jua platform yang dirasakan bersesuaian bagi menyertai Konvensyen KIK Peringkat Negeri. Penetapan kategori ini adalah berdasarkan kriteria projek.

Contoh:

JABATAN	KUMPULAN PREMIER	KUMPULAN HIBRID
Jabatan A	3	1
Jabatan B	2	2
Jabatan C	1	3
Jabatan D	0	4

4.1.9 Pihak Urus setia berhak menerima atau menolak penyertaan dari mana-mana kumpulan KIK berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan dan juga berdasarkan kuasa pertimbangan (sekiranya perlu).

4.1.10 Keputusan Panel (Pemeriksa dan Penilai) bagi Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor terhadap projek kumpulan KIK adalah **muktamad**. Sebarang bantahan dan semakan semula keputusan adalah tidak dibenarkan.

4.2 KELAYAKAN MENYERTAI MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT KEBANGSAAN

- 4.2.1 Jabatan / Agensi yang **berstatus negeri sahaja** yang layak untuk mewakili negeri bagi menyertai Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan.
- 4.2.2 Walau bagaimanapun, Jabatan / Agensi Persekutuan yang beroperasi di Negeri Selangor dan mempunyai **dua (2) kerakyatan** iaitu negeri dan persekutuan seperti JKR, JPS dan lain-lain jabatan yang berkaitan akan dipertimbangkan oleh pihak Urus setia Peringkat Negeri Selangor untuk mengemukakan pencalonan bagi Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor dan mewakili Negeri Selangor bagi menyertai Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan.
- 4.2.3 Namun begitu, Jabatan / Agensi Persekutuan yang mempunyai dua kerakyatan perlu **mendapatkan pengesahan dan kebenaran secara bertulis daripada ibu pejabat masing-masing untuk mewakili Negeri Selangor (jika menjadi johan bagi kategori yang disertai di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor) di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan**. Pengesahan dan kebenaran bertulis itu perlu dikemukakan sebagai **dokumen tambahan** semasa

mengemukakan pencalonan di peringkat Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor.

4.2.4 Kumpulan KIK yang **memenangi tempat pertama** atau **markah tertinggi** bagi Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan dan Kategori Inovasi Sosial pada Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor akan dipertimbangkan untuk mewakili Kerajaan Negeri Selangor di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan.

4.2.5 Sekiranya tempat pertama bagi kedua-dua kategori dimenangi oleh Jabatan / Agensi Persekutuan (2 kerakyatan), ia akan dipilih secara automatik untuk mewakili Kerajaan Negeri tetapi tertakluk kepada syarat / kelayakan seperti yang terkandung dalam **Perkara 4.2.2** di atas.

5. KONSEP DAN CIRI-CIRI PROJEK

5.1 Bidang Inovasi Sosial

Bidang Inovasi sosial merangkumi kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat. Fokus pelaksanaan inovasi sosial tidak hanya kepada pencapaian impak sosial semata-mata, malah memberikan penekanan kepada proses penglibatan rakyat dalam membangunkan sesuatu inovasi.

5.2 Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan


Inovasi penyampaian prkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mentransformasikan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Inovasi penyampaian perkhidmatan bermatlamat meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan ke arah penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan lancar serta meningkatkan kepuasan hati pelanggan.

5.3 Kategori Inovasi Penciptaan

Penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses yang baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia.

5.4 Kategori Penambahbaikan

Penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif agar menjadi lebih berkualiti serta berdaya saing.



6. PENILAIAN

6.1 Skema Pemarkahan

Skema Pemarkahan bagi pelaksanaan Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI PEMARKAHAN	% PEMARKAHAN
1	Penglibatan pihak pengurusan	4
2	Signifikasi projek dan pembuktian	10
3	Tindakan penyelesaian	23
4	Outcome projek	35
5	Impak projek	18
6	Potensi pengembangan inovasi	10
	Jumlah Keseluruhan	100

6.2 Mekanisme Penilaian

Penilaian ke atas projek Kumpulan KIK adalah seperti berikut:

- (a) Penyertaan peringkat pertama akan ditapis oleh ketua jabatan masing-masing berdasarkan kepada cadangan projek kumpulan yang terbaik.
- (b) Penyertaan seterusnya akan diperhalusi dan ditapis di peringkat Urus Setia Konvensyen bagi memastikan Kumpulan KIK yang bertanding adalah layak dan memenuhi syarat-syarat seperti **para 4.1**.
- (c) Penilaian akan dilaksanakan secara dua (2) peringkat iaitu:
 - a. Pemeriksaan projek: Penilaian secara fizikal dan dokumen akan dilaksanakan di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bagi menentukan kesahihan projek.
 - b. Penilaian persembahan : Penilaian oleh panel penilai yang dilantik melalui video persembahan yang dihantar oleh kumpulan.
- (d) Keputusan Panel Penilai akan diumumkan secara dalam talian melalui emel / portal dan hadiah akan disampaikan sempena Majlis Apresiasi Inovasi Negeri Selangor / *Selangor R&D And Innovation Expo (SRIE) Tahun 2023*.

7. GANJARAN DAN PENGIKTIRAFAN

Kategori Inovasi Sosial dan Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

KEDUDUKAN	GANJARAN DAN PENGIKTIRAFAN
Johan	<ul style="list-style-type: none">• RM 15,000.00• Piala Pusingan• Piala Iringan• Sijil Penghargaan
Naib Johan	<ul style="list-style-type: none">• RM 10,000.00• Piala Iringan• Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga	<ul style="list-style-type: none">• RM 7,000.00• Piala Iringan• Sijil Penghargaan

Projek Inovasi Terbaik (Primer)

KEDUDUKAN	GANJARAN DAN PENGIKTIRAFAN
Tempat Pertama	<ul style="list-style-type: none">• RM 2,000.00• Sijil Penghargaan

Projek Inovasi Terbaik (Hibrid)

KEDUDUKAN	GANJARAN DAN PENGIKTIRAFAN
Tempat Pertama	<ul style="list-style-type: none">• RM 2,000.00• Sijil Penghargaan

Dokumentasi Projek Terbaik

KEDUDUKAN	GANJARAN DAN PENGIKTIRAFAN
Tempat Pertama	<ul style="list-style-type: none">• RM 1,500.00• Sijil Penghargaan

Persembahan Video Terbaik

KEDUDUKAN	GANJARAN DAN PENGIKTIRAFAN
Tempat Pertama	<ul style="list-style-type: none">• RM 1,500.00• Sijil Penghargaan

8. TATACARA PENYERTAAN

- 8.1 Jabatan / Agensi yang berminat menyertai Konvensyen KIK Peringkat Negeri perlu menyempurnakan perkara-perkara berikut:
- a. **Empat (4) salinan Borang Penyertaan / Pencalonan** Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2023.
 - b. **Empat (4) salinan Ringkasan Eksekutif** dengan menggunakan format **Microsoft Word** (*page size A4, font Arial, saiz 11, spacing 1.15*) dan maksima 300 hingga 500 patah perkataan / tidak melebihi 2 muka surat.
 - c. **Empat (4) naskah Dokumen Laporan Projek (berwarna)** dengan menggunakan format **Microsoft Word** (*page size A4, font Arial, saiz 11, spacing 1.15*) dengan bilangan mukasurat adalah maksima 15 mukasurat bagi pelaporan dan 30 mukasurat bagi lampiran.
 - d. **Satu (1) salinan berbentuk softcopy dokumentasi projek** dengan menggunakan format seperti di **8.1(b)** dan **8.1(c)**.
 - e. **Satu (1) salinan surat kelulusan / kebenaran bertulis** bagi mewakili Negeri Selangor di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan (*bagi Jabatan / Agensi Persekutuan yang mempunyai dua kerakyatan sahaja*)
 - f. Perkara-perkara di para 8.1(a), 8.1(b), 8.1(c) dan 8.1(d) perlu dikemukakan kepada Urusetia Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Darul Ehsan seperti di bawah **SEBELUM ATAU PADA 31 MAC 2023.**

- 8.2 Setelah pihak urus setia telah menerima borang penyertaan daripada Jabatan / Agensi (sehingga tarikh tutup penyertaan 31 Mac 2023, bagi melengkapkan tatacara penyertaan, Jabatan / Agensi dikehendaki untuk menghantar **video persembahan** dan **video pendek** dengan kriteria seperti berikut:

Video Persembahan

- a. Video hendaklah berdurasi **10 - 15 minit** dalam format .mpg, .wmv, .mp4, .mpeg atau .avi dengan kandungan yang menepati kriteria pemarkahan yang telah ditetapkan seperti di para **6.1**,
- b. Video yang dihasilkan tidak mengandungi unsur yang dianggap sensitif merangkumi penggunaan logo, gambar atau perkataan yang tidak sopan dan menyentuh sensitiviti kaum, budaya dan agama; dan
- c. Kumpulan bebas untuk menyediakan video dengan memaparkan slide dan berlatarbelakangkan suara setiap ahli kumpulan ataupun persembahan secara berkumpulan. Walau bagaimanapun, pastikan video berkenaan adalah **jelas dan terang** dari segi suara (perkataan serta input yang ingin ditonjolkan). Suara atau penceritaan projek dari ahli kumpulan diperlukan bagi memudahkan panel membuat penilaian dan memberi komen penambahbaikan.

Video Pendek

- d. Video hendaklah berdurasi 1 minit atau kurang bagi tujuan promosi di media sosial PSUK Selangor dan platform media sosial terkini seperti TikTok, Whatsapp dan lain - lain. Video pendek perlu di sertakan Nama Projek Inovasi, Nama Kumpulan dan Nama Jabatan.

- e. Video persembahan dan video pendek perlu dikemukakan kepada urusetia Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor melalui Google Drive, Dropbox atau mana - mana platform yang bersesuaian **SEBELUM ATAU PADA 31 MAC 2023.**

8.3 Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi:

Urusetia Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam
Peringkat Negeri Selangor,
Bahagian Korporat,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor,
Tingkat Bawah, Bangunan SSAAS,
40503 SHAH ALAM.

**u.p. : Encik Syamsul Khoir Bin Md Ridzuan
Puan Norshaeza binti Aziz**
Tel : 03-5544 7958 / 7053
Faks : 03-5513 5569